# Buletin @HEPA

PEJABAT HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI

BILANGAN 1/2010

## info unit

## Berita MPP UTeM

## Salam HEPA

## Sekitar Aktiviti HEPA

## Siapa Rakan Siswa?

" Selamat Datang & Selamat Tinggal HEPA "

## Wawancara bersama DEKAN HEPA

B... ...PA

LB
3602
.B84
2010
a
v1

Pejabat HEPA Mengucapkan Selamat Menyambut Ulang Tahun ke-10 Kepada UTeM






# *Khabar Bicara* Editor

UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA




Assalammualaikum wrt wbt dan salam 1 Malaysia.

Segala puji bagi Allah yang telah mengizinkan penerbitan buletin HEPA ini menjadi kenyataan. Dengan rahmatnya jua perkongsian harapan dan idea dicanai bersama staf HEPA dan siswa/i diterjemahkan di dada buliten pada kali ini. " Sekali air bah, sekali pantai berubah " begitu juga kehidupan manusia dalam kelompok organisasi. Pada Februari yang lalu satu rombakan besar-besaran telah dilakukan oleh pihak pengurusan tertinggi universiti terhadap pegawai pentadbiran sekali gus mengubah sebahagian besar 'landscape' warga buliten HEPA. Penampilan pertama di HEPA dengan diamanahkan untuk menerajui pembikinan buliten HEPA pada kali ini.

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan tahniah kepada sidang ridaksi terdahulu atas kejayaan dalam menerbitkan buliten ini dengan cemerlang. Kini cabaran baru bermula bagi sidang ridaksi yang baru. Secara peribadi saya mengucapkan jutaan terima kasih atas kerjasama kepada semua sidang ridaksi dan kepada mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menerbitkan buliten pada kali ini. Konsep yang cuba kami paparkan disini merupakan berita dan persembahan dalam bentuk santai. Konsep ini di buat selari dengan pendekatan Ybhg Dekan HEPA yang juga baru dilantik. Beberapa segmen baru di buat hasil dari permuafakatan dan buah fikiran sidang ridaksi. Harapan kami, disamping berkongsi maklumat dan khabar aktiviti siswa/i, kami juga berharap agar warga HEPA dan siswa/i bertambah mesra dalam mencapai visi dan misi universiti selain daripada melengkapkan dairi kehidupan masing-masing.

Saya juga ingin mengucapkan TAHNIAH dan selamat datang ke UTeM kepada siswa/i baru yang berjaya terpilih untuk meneruskan pengajian di institut pengajian tinggi awam. Kehadiran kalian di harap dapat menyemarakkan lagi warna warni kehidupan di kampus sekali gus melakar lebih banyak kejayaan universiti. Pesanan saya kepada siswa/i baru anggaplah kami di HEPA ini sebahagian dari keluarga dan sahabat siswa/i dalam semua keadaan. Insyaallah kami akan membantu sebaik mungkin didalam lingkungan keupayaan kami.

Salam Editor Buat Semua
Terkurang Bercerita Maaf Di Pinta
Semoga Di Sana Sentiasa Gembira
Harapan Warga Kongsi Bersama

Sekian, selamat menikmati wadah ini dan senyum selalu.............



Perpustakaan

LB3602 .B84 2010 v1
87515887

WAWANCARA BERSAMA

# Dekan HEPA

## INGR. PROF. DR. MARIZAN B. SULAIMAN




Lagu "Wind of Change" dari kumpulan Scorpion menjadi kegemaran beliau setiap masa dan didendangkan bersama pelajar dan staf semasa memberi ceramah-ceramah motivasi. Lagu ini **memberi ingatan** kepada pelajar dan staf supaya sentiasa berubah bagi meningkatkan prestasi setiap masa. Bekas Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektrik ini mula menjejakkan kaki ke pejabat HEPA **untuk dilantik sebagai Dekan** selama 3 tahun mulai 17 Februari 2010 hingga 16 Februari 2013. Dengan mempunyai moto "Caring Society" beliau mengharapkan kerjasama padu dari semua pelajar dan staf bagi membantu mengemudi pejabat HEPA ini. **Ikuti wawancara** Ruzaiman Abdul Rahman, Penolong Editor Buletin Hepa bersama Dekan HEPA

UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## 1

**Ruzaiman (R) :Apakah hala tuju Prof. setelah dilantik sebagai Dekan HEPA yang baru?**

Dekan (D) : Sebagai Dekan HEPA yang perlu menumpukan kepada pelajar, saya ingin mewujudkan suasana Masyarakat Penyayang (Caring Society) di kalangan warga UTeM semua. Oleh itu saya mengambil pendekatan yang berfokuskan pelajar iaitu " HEPA Berorientasikan Pelajar dan Mesra Pelajar"

Perpustakaan
Universiti Teknikal Malaysia Melaka
No. Perolehan: MK(H) 40330
No. Panggilan: LB 3602 .B84
Tarikh: 16 DEC 2010

## 2

**R : Dalam meneraju HEPA apakah keutamaan yang diberi penekanan dan perhatian Prof?**

D : Bidang tugas HEPA yang utama adalah memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pelajar semestinya kekal sebagai keutamaan. Walau bagaimanapun, aspek Pembangunan Pelajar mestilah diberi perhatian serius memandangkan HEPA menerajui 2 CAP iaitu Pembangunan Holistik Pelajar dan Kebolehpasaran Graduan. Pembangunan Pelajar yang seimbang merangkumi aspek rohani dan jasmani termasuklah sudut intelektual, emosional dan spiritual.



**3 Bagaimana Prof. melihat situasi pelajar masa kini?**

Para pelajar harus dilihat sebagai asset kepada pembangunan masa depan Negara yang lestari. Maka pembangunan akademik perlu seimbang dengan pembangunan sahsiah bagi menjamin pencapaian matlamat penjanaan modal insan minda kelas pertama.

**4 Untuk mencapai hasrat Kementerian Pengajian Tinggi dalam Pembangunan Pelajar Secara Holistik adakah program dan akitiviti dapat mencapai hasrat tersebut?**

Bagi mencapai hasrat pembangunan pelajar yang holistic, KPT telah memberi garispanduan utama yang terdiri daripada 8 teras tujahan aktiviti iaitu, daya usaha dan inovasi, kepimpinan, komunikasi/pengucapan awam, kebudayaan, khidmat masyarakat, kesukarelawan, keusahawanan dan sukan.

**5 Apakah strategi HEPA bagi menyediakan pelajar menghadapi cabaran masa hadapan?**

Pelajar perlu dilatih berlandaskan minda yang "kreatif dan inovatif" dalam menghadapi masa depan yang semakin mencabar supaya pemikiran mereka lebih terbuka serta boleh berdikari bagi memastikan pembangunan modal insane minda kelas pertama yang lestari sepertimana yang dikehendaki.

UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

**6 Untuk staf HEPA pula apakah saranan dan harapan Prof?**

Pelajar merupakan pelanggan HEPA yang utama selain daripada pelanggan dalaman dan luaran yang lain. Setiap staf HEPA perlu memberikan perkhidmatan yang mesra pelanggan berbekalkan sumber yang ada pada mereka yang berurusan dengan pejabat HEPA merasa dihargai. Staf HEPA juga perlu menyemai serta mengamalkan sikap "Achive More With Less" dan "Don't Take NO For An Answer", Insyaalah kita semua bersama akan beroleh kejayaan.



# info unit







## BAHAGIAN PENTADBIRAN & KEWANGAN

**Unit Pentadbiran**
Menguruskan sumber manusia, pentadbiran am pejabat, pembangunan sumber manusia dan urusan keselamatan perabot dan kelengkapan pejabat

*Encik Mohd. Yaszli b. Mohamed Rahis:06-3316231*
*Pejabat Am : 06-3316236*

**Unit Kewangan**
Menguruskan penyediaan anggaran perbelanjaan mengurus tahunan HEPA, pembelian dan daftar harta/ inventori, urusan pembayaran, tuntutan, pengurusan buku vot, pelupusan dan PWR.

*Cik Shamsiah bt. Omar : 06-331 6206*
*Pejabat Am:06-331 6044*

**Unit Komunikasi Pelajar**
Menguruskan promosi HEPA, menyelia perkhidmatan kaunter di Pusat Perkhidmatan Pelajar di kampus Bandar,menyelaras lawatan tetamu ke HEPA, mengurus maklumat HEPA dan mengurus aduan pelanggan

*Encik Ruzaiman b. Abdul Rahman : 06-331 6234*

## PUSAT KESIHATAN PELAJAR

**Klinik Pelajar**
Memberikan perkhidmatan perubatan, informasi perubatan dan menyediakan perkhidmatan ambulan. Unit ini turut menguruskan tuntutan bil rawatan pelajar serta menguruskan pasukan perubatan stand by.

*Dr. Muhammad Takrimi b. Shahabudin:06-5534439*
*Dr. Noor Raffidah bt. Haron:06-3314439*

## BAHAGIAN PEMBANGUNAN PELAJAR

**Unit Keusahawanan Pelajar**
Menyediakan khidmat latihan dan nasihat kepada pelajar yang berminat dalam bidang keusahawanan.

*Encik Zainuddin b. Abdul Hamid : 06-3316228*
*Pejabat Am:06-3316233*

**Unit Kebudayaan & Warisan**
Menyediakan kemudahan /peralatan bagi aktiviti kebudayaan dan membantu pembangunan diri pelajar ke arah aspirasi budaya bangsa melalui kegiatan kebudayaan.

*Encik Amir bin Ali:06-3316223*
*Pejabat Am::06-3316225*

**Unit Kepemimpinan & Aktiviti Pelajar**
Menyediakan program pendidikan, perkhidmatan dan kemudahan yang menarik kepada pelajar supaya dapat mengembangkan bakat dan kemahiran untuk faedah kendiri dan masyarakat.

*Encik Mohd. Shafiq bin Md. Taib:06-3316207*
*Pejabat Am:06-3316235*

**Unit Integriti & Sahsiah Pelajar dan Badan Beruniform**
Menguruskan tatatertib pelajar, pemantauan dan penguatkuasaan disiplin pelajar, menyedia dan mendedahkan pelajar dalam pelbagai program bercorak sahsiah dan jatidiri

*Hj. Razali bin Abd. Jalil:06-3316227*
*Pejabat Am:06-3316233*

UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



## BAHAGIAN PERKHIDMATAN PELAJAR

**Unit Kebajikan Pelajar**
Bertanggungjawab terhadap pengurusan pinjaman, biasiswa, bantuan kewangan, tabung kebajikan pelajar dan pengurusan fail peribadi pelajar.

*Puan Syahira bt. H j. Mohd. Adnan:06-3316204*
*Pejabat Am:06-3316226*

**Unit Penempatan Pelajar**
Bertanggungjawab terhadap dasar pelaksanaan penempatan pelajar, penyelenggaraan kerosakan asrama dan tempahan penginapan oleh orang luar.

*Puan Mazne bt. Ja'affar:06-3316230*
*Pejabat Am:06-3316233*

**Unit Alumni & Kerjaya Dan Mobiliti Pelajar**
Memberikan perkhidmatan urusetia kepada Persatuan Alumni serta mewujudkan kerjasama dengan organisasi luar Negara

*Puan Rafidah bt. Md. Dusa:06-3316229*
*Pejabat Am:06-3316233*

**Unit Kenderaan**
Mengurus perkhidmatan "shuttle bus" dan tempahan kenderaan bagi kegunaan aktiviti pelajar & staf.
*Encik Mohd. Fuad b. Jaafar:06-3316217*

**Unit Data & Informasi**
Menjadi pusat pengumpulan maklumat aktiviti-aktiviti pelajar dan memantau Sistem Maklumat Pelajar (SMP) di HEPA

*Encik Mohd. Fuad b. Jaafar:06-3316217*
*Pejabat Am:06-3316205*

**Unit Kaunseling Pelajar**
Menjalankan perkhidmatan kaunseling kepada pelajar UTeM

*Cik Hadibah bt. Tahir:06-3316219*
*Puan Musliha bt. Yusoff:06-3316220*
*Pejabat Am:06-3316239*

## KOLEJ KEDIAMAN

**Kolej Kediaman**
Menjaga kebajikan penghuni Kolej Kediaman dan membangunkan sahsiah penghuni serta menganjur dan mengadakan program-program pendidikan, perkhidmatan dan kemudahan kepada pelajar agar dapat mengekalkan kasih sayang kepada kepada kolej kediaman

*Kolej Kediaman Bunga Raya: 06-2332787*
*Kolej Kediaman Murni:06-2332585*
*Kolej Kediaman Emerald: 06-2332226*
*Kolej Kediaman Taman Tasik Utama 2:06-2332179*
*Kolej Kediaman Taman Tasik Utama 3:06-2332723*
*Kolej Kediaman Murai Jaya:06-5533157*
*Kolej Kediaman D'Appartment:06-2332225*
*Kolej Kediaman Luar:06-5534583*








# KLINIK PELAJAR UTeM 1



Klinik Pelajar UTeM telah ditubuhkan sejak 2004 bagi memberikan perkhidmatan kesihatan terbaik kepada semua pelajar. Ini adalah salah satu usaha pihak universiti yang sedar bahawa kesihatan tubuh badan serta kecerdasan minda amat penting dalam menghasilkan pelajar yang bermutu dan cemerlang. Lokasi Klinik Pelajar di kampus induk yang ditempatkan sementara di Blok A, Bangunan Kediaman Staf sehingga Pusat Kesihatan kekal yang lengkap siap dibina. Selain itu, mulai awal tahun ini klinik pelajar telah mula beroperasi di Kampus Bandar. Sedikit masa lagi, Klinik pelajar akan turut beroperasi di Kolej Kediaman Pelajar pada waktu malam. Berikut adalah waktu rawatan kami dan senarai kemudahan di sini.

Waktu rawatan

Kampus Induk

| HARI | PAGI | PETANG |
|---|---|---|
| Isnin-Khamis | 8.00pg-1.00tgh | 2.00ptg-7.00ptg |
| Jumaat | 8.00pg-12.15tgh | 2.45ptg-7.00ptg |
| Sabtu | 9.00pg-1.00tgh | |

Klinik Pelajar Kampus Induk ditutup pada hari Ahad dan cuti umum

Kampus Bandar

| HARI | PAGI |
|---|---|
| Isnin | 8.30pg-12.30tgh |
| Rabu | 8.30pg-12.30tgh |
| Jumaat | 8.30pg-12.00tgh |

Buat masa ini, Klinik Pelajar Kampus Bandar hanya dibuka pada sebelah pagi setiap hari Isnin,Rabu dan Jumaat sahaja.

Kemudahan di Klinik Pelajar

1. Rawatan pesakit luar
2. Rawatan kecemasan
3. Wad pemerhatian
4. Perkhidmatan peti rawatan kecemasan
5. Perkhidmatan ambulans

Staf Klinik Pelajar :

Pegawai Perubatan
- Dr Noor Raffidah Haron
- Dr Muhammad Takrimi Shahabudin

Penolong Pegawai Perubatan
- Hamidon bin Yaacob
- Krishnan A/L Marimuthoo

Jururawat
- Nor Anidah Ab. Karim
- Huzaimah bt Husin
- Etty marina bt Muhamad Noor

Penolong pegawai Farmasi
- Juraida Jamaluddin

Pembantu tadbir (P/O)
- Nurul Aina bt Abd Ghani

Atendan kesihatan
- Ahmad Farhan bin Jamaludin

Pemandu Ambulans
- Atan bin Adam

Kami di Klinik Pelajar terdiri daripada mereka yang sentiasa mengutamakan pesakit dan amat memahami keperluan mereka. Sudah menjadi amalan kami juga untuk sentiasa melayan pesakit dengan mesra dan bertimbang rasa bagi menjamin keselesaan semua sepanjang masa menerima rawatan.

Kami mengalu-alukan kedatangan semua pelajar yang memerlukan sebarang perkhidmatan kami. Harapan kami agar semua pelajar dapat mengamalkan cara hidup sihat dengan mengamalkan pemakanan sihat, selalu bersenam dan tidak merokok. Bagi mencegah penularan H1N1 pula kami memerlukan kerjasama semua untuk menjaga kebersihan diri, mengamalkan adab batuk yang baik, kerap membersihkan tangan dan memakai topeng hidung dan mulut jika sakit dan mempunyai gejala selsema.

Sebarang pertanyaan boleh berhubung terus dengan kami di talian 06-5534439

# UNIT KEBAJIKAN PELAJAR 2

PERANAN UNIT KEBAJIKAN PELAJAR

Bantuan Kewangan : Pinjaman dan Biasiswa

Unit Kebajikan Pelajar adalah unit yang menyelaras urusan berkaitan dengan biasiswa, pinjaman dan bantuan kewangan . Unit ini bertanggungjawab di dalam urusan mengiklan tawaran, mengatur temuduga, membuat notis pemberitahuan mengenai biasiswa/pinjaman, mengedar borang-borang permohonan dan perjanjian yang telah dilengkapkan kepada penganjur-penganjur berkaitan. Bantuan kewangan adalah terdiri daripada tiga kategori utama iaitu :

a) Biasiswa
b) Pinjaman Pendidikan
c) Dermasiswa

Sumber-sumber kewangan pelajar di Universiti terdiri tiga kategori utama iaitu :

a) Agensi-agensi Kerajaan
b) Badan-Badan Berkanun
c) Agensi Swasta

• Pelajar boleh mendapatkan borang permohonan sama ada dari agensi yang terlibat ataupun melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni (Jika dibekalkan).

• Pelajar hanya layak menerima satu tawaran bantuan kewangan sahaja. Pelajar hendaklah memaklumkan kepada unit ini dan penaja mengenai tawaran yang diterima.

Pengurusan Tabung Kebajikan Pelajar

Bahagian Hal Ehwal & Alumni telah menubuhkan Tabung Kebajikan Pelajar untuk memudahkan pengurusan mengendalikan bantuan kepada pelajar sekiranya berlaku kes kemalangan. Dua skim utama di bawah tabung ini iaitu :-

Skim Insuran Takaful Berkelompok Pelajar

Prosedur Tuntutan Skim Insuran Berkelompok Pelajar

• Sekiranya berlaku kemalangan (melibatkan kematian/ keilatan kekal) salinan dokumen yang perlu dikemukakan ke Unit Kebajikan Pelajar adalah seperti berikut:

Kes Bukan Kematian Kes Kematian
a) Laporan polis (a) Sijil Kematian
b) Laporan perubatan / post mortem (b) Permit Menguburkan
c) Gambar (sekiranya berkaitan) (c) Salinan Kad Pengenalan
d) Salinan Kad Pengenalan / Sijil Kelahiran
e) Nota Discaj (d) Laporan Polis
f) Sijil Cuti Sakit (bagi kes kemalangan)

Skim Tabung Khairat Kemalangan Dan Kematian Pelajar :

a) Skim Tabung Khairat Kemalangan

• Permohonan boleh dibuat dengan mengisi borang permohonan dan mengemukakan dokumen sokongan ke Unit Kebajikan Pelajar. Jumlah bantuan yang diberikan kepada pelajar akan diluluskan oleh Jawatankuasa Tabung Khairat Kemalangan dan Kematian Pelajar.

• Kemudahan skim yang diberikan adalah meliputi tempoh semasa pengajian ataupun tempoh semasa cuti dengan syarat bayaran yuran telah dijelaskan pada sesi berkenaan. Kemudahan ini juga meliputi kes kematian, kemalangan (sukan dan jalanraya) dan kes-kes lain (kebakaran, bencana alam dan lain-lain).

b) Kes Kematian
a) Laporan polis (a) Sijil Kematian
b) Laporan perubatan / post mortem (b) Permit Menguburkan
(c) Laporan Polis (bagi kes kemalangan)

b1) Pelajar Kematian Ibu Atau Bapa
Dalam kes kematian ibu atau bapa, sumbangan akan diberi sebanyak RM100. Sekiranya ibu dan bapa meninggal dunia serentak, pelajar akan diberi sumbangan sebanyak RM200. Walau bagaimanapun dalam keadaan perlu balik segera untuk melihat jenazah, pelajar hanya akan diberi tambang kapalterbang kelas ekonomi untuk balik ke kampung dan tambang bas ekspress apabila balik semula ke kampus (Kes pelajar Semenanjung Malaysia). Bagi kes pelajar Malaysia Timur, pelajar akan diberi tambang kapal terbang kelas ekonomi pergi/balik. Pelajar perlu mengemukakan tiket dan 'boarding pass' ke Unit Kebajikan Pelajar, Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni apabila kembali semula ke kampus.

b2) Pelajar Kematian Isteri / Suami / Anak
Sumbangan akan diberi sebanyak RM100 jika berlaku kematian suami atau isteri. Bagi kes pelajar kematian anak, sumbangan adalah sebanyak RM100 bagi setiap orang anak. Syarat-syaratnya adalah sama seperti kes ( b1 )

*Pelajar yang telah mendahulukan wang mereka bagi urusan perjalanan balik semasa kematian ibu/ bapa/suami/isteri/anak boleh membuat tuntutan semula ke Unit Kebajikan Pelajar, Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni dengan mengemukakan salinan dokumen kematian berkaitan dan tiket-tiket asal.

Tabung Pelajar :

Menguruskan Pinjaman melalui Skim Pinjaman Jangka Pendek

Unit Kebajikan Pelajar turut menguruskan bantuan kewangan kepada pelajar yang mengalami masalah kewangan melalui Skim Pinjaman Jangka Pendek. Had maksima pinjaman adalah RM500 sahaja. Permohonan yang menepati syarat-syarat permohonan sahaja akan dipertimbangkan.

Prosedur Permohonan Skim Pinjaman Jangka Pendek :
(1) Pengisian borang permohonan di portal pelajar. Klik pada 'kebajikan pelajar', lengkapkan borang dan klik 'hantar'.
(2) Penetapan tarikh temuduga oleh Penolong Pendaftar Unit Kebajikan Pelajar
(3) Pelajar hadir temuduga dengan membawa dokumen yang berkaitan
(4) Sokongan permohonan
(5) Keputusan permohonan
(6) Pembayaran ke akaun pelajar oleh Pejabat Bendahari
(7) Bayaran balik pinjaman dalam tempoh yang ditetapkan oleh Universiti.

*Pelajar adalah diingatkan supaya melayari portal untuk mengetahui perkembangan terkini status permohonan pinjaman ini

**EN. MOKHTAR BIN AMAN (PENYELIA ASRAMA)**



En. Mokhtar Bin Aman dilahirkan pada 18 jun 1965 di Bukit Katil, Melaka. Mula melaporkan diri di UTeM (ketika itu dikenali sebagai KUTKM) pada 25 Mei 2001 sebagai Pembantu Am Rendah dan pernah berkhidmat di beberapa PTj bermula di Pejabat Pembangunan, Pusat Bahasa Dan Pembangunan Insan dan Canselori. Menerima tawaran sebagai Penyelia Asrama pada tahun 2002 dan mula berkhidmat di Rumah PT23 Unit Teratai Mawar, Kolej Kediaman Bunga Raya dan kini di Kolej Kediaman Emerald. Aktif dalam sukan karom dan mewakili PTj dalam Sukan Antara Jabatan dan pernah mendapat tempat ke-3 pada kejohanan tersebut pada tahun 2008 yang lalu. Seorang suami dan ketua keluarga yang penyayang kepada 3 orang cahaya mata.

Pengalaman manis beliau adalah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang pada tahun 2004. Manakala pengalaman pahit beliau pula adalah ibunda yang tercinta telah kembali ke Rahmatullah ketika sedang mengerjakan Haji di Mekah semasa beliau berumur 16 tahun dimana ketika itu beliau tidak sempat menatap wajah Allahyarhamah buat kali yang terakhir kerana jenazah dikebumikan di tanah suci Mekah. Harapan beliau adalah dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pelajar dan UTeM .



## Rakan Siswa

UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

**EN. SHAMSUL BIN SABTU @ SHARIFF**



Shamsul Bin Sabtu @ Shariff dilahirkan pada 26 Nov. 1972 di Bukit Katil, Melaka. Merupakan anak ke-4 daripada tujuh orang adik beradik. Memulakan kerjaya sebagai pemandu kenderaan berat pada umur 21 tahun.Beliau adalah antara staf yang terawal melapor diri. Mula berkhidmat diUTeM (dulu dikenali dengan nama KUTKM) pada 1 Mac 2001 dengan menjadi pemandu pertama kepada Rektor pertama ketika itu iaitu Datuk Prof. Dr. Mohd Ruddin Bin Ab. Ghani. Dan kemudian berpindah ke Pejabat Pendaftar dan Pejabat Pembangunan dengan memandu pelbagai jenis kenderaan dan terkakhir ke Pejabat HEPA dengan menjadi pemandu bas sehingga kini. Seorang pemalu tetapi berdedikasi dan komited terhadap kerjaya dan merupakan seorang suami dan bapa yang penyayang kepada 4 orang cahaya mata. Aktif dalam sukan antaranya olahraga dan bolasepak. Pernah mewakili Universiti dalam acara bolasepak di Sabah yang juga mempunyai hobi dalam sukan tersebut .

Pengalaman manis sejak berkhidmat sebagai pemandu bas ialah menggantikan seorang atlit olahraga pada saat-saat akhir Kejohanan Sukan Staf di UKM pada tahun 2005 dimana pada masa tersebut beliau hanya ditugaskan sebagi pemandu bas untuk membawa atlet olahraga daripada UTeM. Pengalaman pahit pula adalah tayar bas yang dipandu terbenam di dalam lumpur semasa membawa peserta kursus induksi pada tahun 2003 yang bertempat di Endau Rompin. Harapan beliau adalah ingin menjadi pekerja (pemandu) yang dapat menyumbang tenaga dalam sama-sama membawa Universiti ke arah kecemerlangan.

# *Selamat Datang ke* HEPA



Puan Siti Sabrinah bt. Buang
Pembantu Tadbir (P/O)

Encik Zainudin bin Ahmad
Ketua Timbalan Pendaftar

Cik Shamsiah bt. Omar
Penolong Akauntan

Encik Mohd. Fuad b. Jaafar
Penolong Pegawai Tadbir

Engr. Prof. Dr. Marizan bin Sulaiman
Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni

Haji Razali b. Abd. Jalil
Penolong Pendaftar

Encik Ruzaiman bin Abdul Rahman
Penolong Pegawai Tadbir

Encik Mohd. Shafiq b. Md. Taib
Penolong Pendaftar

Encik Mohd. Yaszli bin Mohamed Rahis
Penolong Pendaftar

Encik Mohd. Nizam bin Mazlan
Ketua Penolong Pendaftar

Azlan Azid
Pembantu Tadbir (P/O)

# *Selamat Tinggal* HEPA

Prof. Dr. Zolkepli bin Buang
Dekan/Pensyarah

Encik Ahmad Faizal b. Abdul Rahman
Penolong Pendaftar

Encik Mahathir b. Mazizan
Penolong Pendaftar

Encik Tinta Firmannika b. Selamat
Penolong Pendaftar

Puan Norhafizah bt. Md. Yusoh
Penolong Pendaftar

Encik Azmi b. Othman
Penolong Pegawai Tadbir

Puan Adawiyah bt. Md. Jani
Penolong Pegawai Tadbir

Encik Mohd. Sujairi b. Harun
Penolong Pegawai Tadbir

Puan Sulaina bt. Kamardin
Pembantu Tadbir (P/O)

Encik Safuan bin Bidin
Pembantu Tadbir (P/O)

*Terima Kasih*

## ▶ Kelahiran










## ▶ Pelajar Praktikal



**Nama** : Ahmad Fadly Bin Gustar Affendi
**Alamat** : JB 4676, Jalan 5, Taman Seri Asahan, 77100 Asahan, Jasin, Melaka.

**Tarikh Mula** : 4 Januari 2010
**Tarikh Akhir** : 18 Jun 2010

Pelajar Sekolah Pengajian Seni, Universiti Malaysia Sabah
Pengajian Seni Kreatif (Major Pengurusan Produksi Teater dan Filem)
**Ijazah Sarjana Muda Kesusasteraan Dengan Kepujian (Seni Kreatif)**

UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
اونيۆرسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك

## ▶ SELAMAT HARI JADI .....

### JANUARI - APRIL

| BIL. | NAMA | JAWATAN | UNIT | TARIKH LAHIR |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Mohamad Saiful b. Sahar | Pekerja Awam | Kolej Kediaman | 1/1/81 |
| 2. | Mohd. Yaszli b. Mohamed Rahis | Penolong Pendaftar | Unit Pentadbiran | 5/1/82 |
| 3. | Muhammad Nizam b.Mansor | Pembantu Tadbir (P/O) | Unit Kenderaan | 8/1/79 |
| 4 | Dr. Noor Raffidah bt. Haron | Pegawai Perubatan | Klinik Pelajar | 13/1/73 |
| 5. | Nurul Afiza bt. Bahari | Pembantu Tadbir (P/O) | Unit Kebajikan Pelajar | 18/1/83 |
| 6. | Mahanum bt. Mohd. Zamberi | Pengetua | Kolej Kediaman | 22/1/81 |
| 7. | Sabrina bt. Hj. Saleh | Penolong Pengurus Asrama | Unit Penempatan Pelajar | 25/1/80 |
| 8. | Jamaluddin b. Abd. Aziz | Pemandu | Unit Kenderaan | 27/1/67 |
| 9. | Ahmad Farhan b. Jamaludin | Atendan Kesihatan | Klinik Pelajar | 28/1/88 |
| 10. | Atan bin Adam | Pemandu | Klinik Pelajar | 2/2/65 |
| 11. | Nurul Aina bt. Abd. Ghani | Pembantu Tadbir (P/O) | Klinik Pelajar | 13/2/85 |
| 12. | Abdul Rashid b. Abdul Rahman | Penyelia Asrama Kanan | Kolej Kediaman | 15/2/72 |
| 13. | Raiman b. Ismail | Pemandu | Unit Kenderaan | 15/2/72 |
| 14. | Syahira bt. Hj. Mohd. Adnan | Penolong Pendaftar | Unit Kebajikan Pelajar | 16/2/77 |
| 15. | Hamdan b. Daut | Pemandu | Unit Kenderaan | 17/2/75 |
| 16. | Azahar bin Sidek | Pemandu | Unit Kenderaan | 18/2/76 |
| 17. | Siti Aminah bt. Md. Ali | Penyelia Asrama | Kolej Kediaman | 20/2/83 |
| 18. | Abdul Majid b. Isnin | Pemandu | Unit Kenderaan | 21/2/64 |
| 19. | Mohd. Syafiq b. Md. Taib | Penolong Pendaftar | Unit Kepemimpinan & Aktiviti Pelajar | 26/2/87 |
| 20 | Abdul Halim Hakim b. Abd. Aziz | Pengetua | Kolej Kediaman | 2/3/69 |
| 21. | Mazne bt. Ja'affar | Pengurus Asrama | Unit Penempatan Pelajar | 2/3/77 |
| 22 | Sri Kartini Rahayu bt. Nordin | Pembantu Tadbir (P/O) | Unit Kauseling Pelajar | 4/3/77 |
| 23. | Azlan bin Suparman | Penyelia Asrama | Kolej Kediaman | 4/3/78 |
| 24. | Siti Roheizah bt. Mohni | Setiausaha Pejabat | Bahagian Pentadbiran & Kewangan | 11/3/77 |
| 25. | Faridah bt. Ahmad | Pembantu Tadbir (P/O) Kanan | Unit Pentadbiran | 12/3/64 |
| 26. | Mardhiana bt. Mohamad | Penyelia Asrama | Kolej Kediaman | 12/3/82 |
| 27. | Naszri bin Bidin | Pemandu | Unit Kenderaan | 13/3/74 |
| 28. | Maswatee bt. Abd. Gaffar | Setiausaha Pejabat | Pejabat Ketua Timbalan Pendaftar | 14/3/80 |
| 29. | Nooraznina Irma bt. Mustafa | Pembantu Tadbir (P/O) | Unit Pentadbiran | 1/4/82 |
| 30. | Krisnan a/l Marimuthoo | Pembantu Perubatan | Klinik Pelajar | 5/4/50 |
| 31. | Amirruddin b. Jamaludin | Pemandu | Unit Kenderaan | 9/4/85 |
| 32. | Bahari b. Mahmud | Pemandu | Unit Kenderaan | 13/4/62 |
| 33. | Engr. Prof. Dr. Marizan b. Sulaiman | Dekan | Pejabat Dekan | 16/4/62 |
| 34. | Mazlan b. Mahat | Pembantu Tadbir (P/O) | Unit Kepemimpinan & Aktiviti Pelajar | 25/4/73 |
| 35. | Azlina bt. Amzah | Setiausaha Pejabat | Pejabat Dekan | 28/4/74 |
| 36. | Zalinawati bt.Razali | Penyelia Asrama | Kolej Kediaman | 29/4/75 |
| 37. | Asshari b. Abbas | Pembantu Am Pejabat | Unit Pentadbiran | 29/4/76 |

# Berita HEPA

## SESI RAMAH MESRA BERSAMA MENTERI PENGAJIAN TINGGI

Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Engr. Prof. Dr. Marizan b. Sulaiman telah menghadiri sesi ramah mesra bersama Menteri Pengajian Tinggi Datuk Seri Mohd. Khaled bin Nordin di Kolej Komuniti Hulu Selangor di Batang Kali baru-baru ini. Turut serta di dalam sesi ramah mesra tersebut, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dr. Mohd. Kadim Suaidi, Ketua Timbalan Pendaftar, Encik Zainudin Ahmad, Ketua Penolong Pendaftar, Encik Mohd. Nizam Mazlan, Penolong Pendaftar, Unit Integriti &Sahsiah Pelajar dan Badan Beruniform, Hj. Razali Abd. Jalil, Pegawai Kebudayaan Amir Ali dan Penolong Pegawai Tadbir Unit Komunikasi Pelajar Ruzaiman Abdul Rahman.



## Kakitangan Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni hadiri Program Pintar kali pertama UTeM







Seramai 85 orang kakitangan Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menghadiri Program Integrasi Insan Terbilang (PINTAR) kali pertama di Permaisuri Resort Port Dickson yang berakhir kelmarin. Program anjuran Bahagian Pembangunan Sumber Manusia UTeM dengan kerjasama NF Team Learning Consultancy yang diketuai oleh Encik Farid Faiz yang berpengalaman selama 25 tahun mengendalikan program-program latihan.

Program ini dirasmikan oleh Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan. Turut hadir Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Dekan HEPA, Eng. Prof. Dr. Marizan Sulaiman, Pendaftar UTeM, Encik Hassan bin Sirun, dan fasalitator dari pegawai kanan UTeM.

Menurut Ahmad Yusoff Hassan, Pejabat HEPA merupakan jabatan pertama yang terpilih untuk program ini kerana pejabat ini adalah yang menguruskan perkhidmatan kepada pelajar yang merupakan pelanggan utama UTeM. Program PINTAR ini direkacipta untuk memenuhi pelan Strategi UTeM. Antara matlamat program ini adalah untuk mengukuh penghayatan visi, misi dan pelan strategic UTeM, Memantapkan Kepimpinan dan Kerja berpasukan dan mengukuh Nilai and Budaya Kerja Cemerlang di kalangan warga HEPA UTeM.

Antara program yang dijalankan ialah ucap utama oleh Naib Canselor UTeM, aktiviti membina pasukan, penghayatan visi, misi dan pelan strategik UTeM, kepimpinan berpasukan, Inovasi pemacu kegemilangan, kecemerlangan berpasukan menghasilkan sinergi, bengkel berpasukan, refleksi individu dan pasukan. Turut diadakan senam pagi, kuliah subuh dan program Qiamullail.

Sementara itu Prof. Dr. Marizan Sulaiman berharap dengan adanya program ini,kakitangan HEPA dapat menghayati dengan lebih mendalam visi dan misi UTeM untuk menjadi sebuah universiti teknikal yang terkemuka didunia.

## DEKAN HEPA UTeM ADAKAN PERTEMUAN DENGAN MENTERI MENTOR

Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) Engr. Prof. Dr. Marizan bin Sulaiman telah mengadakan kunjungan hormat kepada Menteri Kerja Raya Datuk Shaziman Mansor yang juga Menteri Mentor UTeM di pejabat beliau di Kuala Lumpur kelmarin. Turut hadir dalam pertemuan tersebut ialah Ketua Timbalan Pendaftar, Zainudin Ahmad dan Ketua Penolong Pendaftar Mohd. Nizam Mazlan.



Menurut Dr. Marizan, pertemuan ini adalah bagi memperkenalkan dan memberi maklumat terkini mengenai pembelajaran serta pengajaran yang diamalkan di UTeM serta ingin menjemput menteri berkenaan melawat UTeM dan seterusnya merasmikan program yang akan dianjurkan nanti.

Menteri mentor adalah syor dari Kementerian Pengajian Tinggi supaya setiap IPTA menjadikan seorang menteri kabinet sebagai Mentor bagi mendapatkan pandangan serta maklumbalas mengenai perjalanan universiti serta sumbangan dan idea mereka bagi memajukan universiti berkenaan. Datuk Shaziman dipilih kerana kepakaran beliau dalam bidang kejuruteraan dan menerajui kementerian yang bersangkut paut dengan bidang yang di aplikasi oleh UTeM.

## DEKAN HEPA TERIMA LAWATAN DARI SETIAUSAHA POLITIK MENTERI KERJA RAYA

Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) Universiti Teknikal Malaysia Melaka telah dikunjungi oleh seramai 5 orang pegawai dari Pejabat Menteri Kerja Raya yang diketuai oleh Setiausaha Politik Menteri Datuk Haji As'ari Hj Ibrahim di kampus Induk Durian Tunggal kelmarin. Rombongan telah disambut dan seterus diberi taklimat oleh Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UTeM, Engr. Prof Dr. Marizan Sulaiman dan Ketua Timbalan Pendaftar HEPA Zainudin Ahmad.

Antara tujuan lawatan ini adalah sebagai susulan kunjungan hormat Dr. Marizan Sulaiman kepada Menteri Kerja Raya Datuk Hj. Shaziman Abu Mansor yang merupakan Menteri Mentor UTeM di pejabat beliau baru-baru ini.



Perbincangan diadakan bagi mengenalpasti jalinan hubungan kerjasama yang boleh diadakan yang melibatkan Menteri dan pelajar-pelajar UTeM. Antaranya mengadakan majlis dialog bersama pelajar, pertemuan dan perbincangan dua hala bersama pemimpin-pemimpin pelajar, mengadakan lawatan ke Parlimen, mengadakan program khidmat masyarakat bersama penduduk kampong dan bermacam lagi. Dengan adanya program seumpama ini akan mendekatkan Menteri bersama pelajar-pelajar UTeM. Pihak pejabat menteri juga akan memberikan kerjasama terhadap program-program yang akan dianjurkan oleh pelajar nanti.

# SPOT ME SPOT ME


Tengok apa tu?


MPP kita


Penuh perasaan ye


Yeahhhh!!!!


Boleh ke s
hadiah tu


Kayuh!!!
Kayuh!!!
Kayuh!!!


Aminnnn!!


Khidmat m
di Tebung


Banjir di pejabat HEPA


UTeM Best


Muslimat BADAR UTeM di UiTM PP


Mari main bola jaring

# SPOT ME SPOT ME


Di pejabat TPM


Memasak Bubur As-Syura


...are


Cuba teka siapa saya??


Pasang langsir ke?


...yarakat


Geng lumpur


Mari kita Poco-poco


Apa yang direnung-renung




Siapa kuat

AJK yang bertungkus lumus


Mari main tarik-tarik

# Alumni UTeM rangkul geran MDEC bernilai RM1.2 Juta

Seramai 7 Alumni Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah mendapat Geran "Technopreneur Pre-Seed Fund Programme" yang kesemuanya berjumlah RM 1.2 juta dari Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDEC) baru-baru ini.. Menurut Presiden Persatuan Alumni UTeM (AUTeM) Al Amin Mohamed Sultan, kesemua penerima geran in adalah bekas pelajar Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK).

Ini membuktikan graduan UTeM bukan sahaja dilatih sebagai pekerja teknikal tetapi berkebolehan memanipulasi teknologi semasa untuk menghasilkan produk yang diperlukan oleh pasaran. Geran MDeC ini diberikan setelah menilai idea yang berkopetensi tinggi di dalam pasaran tempatan dan terutama untuk pasaran global katanya lagi. Kejayaan mereka ini tidaklah boleh dipandang remeh kerana mereka bersaing dengan seluruh rakyat Malaysia dan syarikat-syarikat yang telah lama di dalam pasaran teknologi. Buktinya, semenjak geran ini diwujudkan di bawah RMK9 hanya lebih kurang 300 geran yang diluluskan sejak 2006.

Antara penerima geran tersebut ialah Sapri Sahabudin (Yukkuri Sdn Bhd) - Mobile Bulletin Board, Wan Sazli Nasaruddin Saifudin ( Hijrah Jitu Sdn Bhd ) - Mobile Game Based Learning (M-GBL), Risha Ramanathan ( NobleIdeas Technologies Sdn Bhd ) - Helping Disable Children to Learn, Nur Shahidah Hidayu bt Mohd Nasir, Muaz Mohamed ( Tehtarik Studios Sdn Bhd ) - What's Next Mr President (Facebook Game), Mohd Rashidi ( My WorkZone Sdn Bhd ) - Work Safety Simulation dan Muhammad Hazmin Wardi (Yeayyy Sdn Bhd) - Spider Gladiator (iPhone Games)

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

# Badar UTeM anjur Bowling

Persatuan Badan Dakwah dan Rohani (BADAR) dengan kerjasama Pejabat Hal Ehwal Pelajar Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menganjurkan Kejohanan Boling peringkat UTeM 2010 di Melaka International Bowling Centre (MIBC).kelmarin.

Menurut Yang Dipertua BADAR, Nik Mohd Ouis al-Qarnie bin Yahya sebanyak 96 peserta telah mengambil bahagian di dalam kejohanan ini yang terbahagi kepada 2 kategori iaitu kategori lelaki dan perempuan. Sebelum pertandingan bermula semua peserta dan jemputan berkumpul di Masjid Al-Alami untuk menikmati jamuan makan malam dan seterus menunaikan solat Maghrib secara berjemaah.

Bagi kategori lelaki, hadiah utama telah dimenangi oleh Muhammad Hasif bin Saidin, Muhammad Akhbar bin Affandi dan Muhammad Hakimi bin Zahir manakala bagi kategori perempuan, hadiah utama telah dimenangi oleh Siti Soliah binti Selamat, Norafifa binti Khairi dan Nur Hidayu binti Abd Rahim. Manakala pemain terbaik kejohanan telah dimenangi oleh Mohd Firdaus bin Abd Rahman dan Siti Soliah binti Selamat.



Nik Mohd Ouis al-Qarnie dalam ucapannya menyatakan kejohanan ini adalah julung-julung kalinya dianjurkan oleh persatuan ini sebagai suatu inisiatif baru dalam mempelbagaikan pendekatan dalam berdakwah dan seterusnya mengucapkan terima kasih kepada semua peserta kerana memberi komitmen yang baik terhadap aktiviti yang dianjurkan oleh BADAR.

Hadiah-hadiah pertandingan telah disampaikan oleh Tuan Haji Razali bin Abd Jalil, Penolong Pendaftar di unit Integriti, Sahsiah dan Badan Beruniform, Pejabat Hal Ehwal Pelajar yang juga Penasihat BADAR.

# SESI DAILOG PELAJAR LUAR UTeM DAN PENTADBIRAN HEPA BERJAYA

Jawatankuasa Kediaman Mahasiswa Luar (JKML) bersama Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menganjurkan Sesi Dailog dan Ramah Mesra bersama Dekan HEPA, Pengetua dan Felo di Dewan Besar UTeM, Kampus Induk semalam.

Menurut Presiden JKML Khairul Fikhri b. Khairul Azahar, seramai hampir 500 pelajar UTeM yang tinggal diluar kolej kediaman telah hadir di dalam sesi dialog ini. Tujuan diadakan majlis ini adalah bagi memperkenalkan Dekan HEPA, Pengetua, felo-felo serta ahli jawatankuasa JKML kepada mahasiswa yang tinggal di luar. Ianya juga bagi merapatkan hubungan antara pihak mahasiswa dengan pentadbiran JKML serta Pejabat HEPA.

Majlis dimulakan dengan sesi perkenalan AJK JKML dan di ikuti sesi perkenalan Exco Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) yang baru dilantik oleh Yang DiPertua MPP Ahmad Ibrahim b. Yazirruddin, ucapan dari Pengetua JKML Hassan b. Attan dan seterusnya sesi dialog bersama Dekan HEPA Engr. Prof. Dr. Marizan bin Sulaiman. Turut hadir Ketua Timbalan Pendaftar HEPA Zainudin Ahmad serta pegawai dari Pejabat HEPA.





UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Dr. Marizan menerangkan bahawa Pejabat HEPA menggunakan pendekatan mesra pelajar dimana pelajar boleh bertemu beliau dan pegawai pada bila-bila masa dan kemudahan di pejabat HEPA boleh digunakan untuk tujuan aktiviti persatuan dan kelab-kelab. Kemudahan kepada pelajar juga akan ditambah dan ditingkatkan dari masa kesemasa bagi keselesaan pelajar. Beliau mengharapkan agar pelajar dapat bekerjasama dengan JKML untuk sebarang program dan aktiviti yang dianjurkan. Beliau juga mahu setiap pelajar yang tinggal diluar menjaga imej universiti serta membantu dan bersama dalam program-program yang dianjurkan oleh kawasan tempat tinggal mereka.

JKML buat masa ini mempunyai seramai 2553 pelajar yang menduduki rumah-rumah disekitar Taman Tasek Utama, Batu Berendam, Bukit Beruang dan Durian Tunggal. JKML mempunyai seorang Pengetua, 4 orang felo dan dibantu oleh 21 ahli JKML.

JKML merancang untuk mengadakan Solat Hajat Perdana pada 8 April ini di Masjid UTeM dan seterusnya mengadakan pertandingan snuker, pertandingan Futsal, PC Fair, Lawatan ke Parlimen, Jogathon dan senamrobik bersama Naib Canselor katanya lagi.




# DEKAN HEPA DAN YDP MPP DI MELAKA FM

Eng. Prof. Dr. Marizan b. Sulaiman Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) bersama Yang DiPertua Majlis Perwakilan Pelajar Saudara Ahmad Ibrahim b. Yazziruddin telah dijemput ke Melaka FM, RTM Jalan Taming Sari, Melaka bagi menghadiri temubual secara langsung di radio berkenaan.

Kedua wakil UTeM tersebut ditemubual oleh DJ Azhari Mohd Yatim dan Amrina Ahmad. Temubual tersebut juga bagi memperkenalkan Dekan HEPA dan YDP MPP yang baru dilantik serta memperkatakan halatuju pejabat HEPA dan MPP keseluruhannya.





# Wujudkan SEMANGAT BERPASUKAN Dalam Kerja Harian

Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menganjurkan Bengkel "Tactical Strategy of Winning Through War Game" di RGS, Resort & Training Centre, Durian Tunggal baru-baru ini.

Menurut Ketua Timbalan Pendaftar HEPA Zainudin b. Ahmad, bengkel ini adalah merupakan acara sukan paintball yang menguji semangat berpasukan setiap kumpulan untuk mengalahkan pihak lawan. Selain semangat berpasukan, pasukan juga perlu menyusun taktik bagi menawan dan mengambil bendera musuh. Semangat ini perlu ada apabila pelajar sudah memasuki alam pekerjaan nanti katanya lagi. Selain itu, tujuan program ini adalah bagi memperkenalkan dengan lebih rapat lagi ahli MPP yang baru dipilih dengan pegawai-pegawai di Pejabat HEPA.

Seramai 40 orang pegawai HEPA dan ahli jawatankuasa MPP turut serta dalam program ini yang dibahagikan kepada 8 kumpulan. Turut serta dalam pertandingan ini ialah Alumni UTeM dan Pengetua-pengetua Kolej Kediaman. Turut hadir bagi menyaksikan pertandingan ini ialah Dekan HEPA Engr. Prof. Dr. Marizan bin Sulaiman.

Pasukan "MORO" yang diketuai oleh Amir Ali, Pegawai Kebudayaan UTeM telah menjadi juara manakala pasukan "Kame Rider" yang diketuai oleh Mohd. Nizam Mazlan Ketua Penolong Pendaftar mendapat Naib Johan.

Hadiah-hadiah berupa hamper telah disampaikan oleh Zainudin Ahmad kepada pemenang-pemenang dan pasukan-pasukan yang bertanding.





UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

# PROGRAM 60 2010

EARTH HOUR





Program Earth Hour 2010 telah diadakan pada 27 Mac 2010 bertempat di setiap kolej kediaman UTeM dan sekitar negeri Melaka. Program ini telah dianjurkan oleh Kelab Penyayang bagi menyahut seruan WWF (World Wide Fund for Nature/World Wildlife Fund) mengundi untuk bumi bebas dari peningkatan suhu di samping melahirkan masyarakat yang prihatin terhadap alam sekitar dan menyedarkan akan keadaan bumi yang semakin tercemar.

Seramai 38 orang pelajar iaitu AJK dan peserta Kelab Penyayang UTeM telah terlibat bagi menjayakan program ini. Antara aktiviti yang telah diadakan semasa program ini ialah mengedarkan edaran risalah mengenai Earth Hour dan menerangkan mengenai Earth Hour kepada para pelajar di setiap kolej kediaman dan penduduk sekitar Melaka iaitu penduduk di sekitar Bukit Beruang dan Ayer Keroh.

Melalui aktiviti ini, ahli-ahli dapat berkomunikasi dengan masyarakat luar untuk menerangkan tentang Earth Hour bagi menyahut seruan WWF untuk mengurangkan pemanasan global dunia di mana masyarakat digalakkan untuk mematikan semua lampu yang tidak penting selama 60 minit mulai jam 8.30 malam. Secara tidak langsung dapat membantu peserta mengembangkan kemahiran berkomunikasi secara perseorangan. Di samping itu, program ini juga dapat mengenalkan Universiti Teknikal Malaysia Melaka kepada masyarakat luar.

# *Bengkel Asas Seni Vokal Koir* UTeM 2010

40 peserta menyertai Bengkel Asas Seni Vokal Koir UTeM (Universiti Teknikal Malaysia Melaka) 2010 yang berlangsung pada 26 hingga 28 Mac 2010. Peserta terbabit merupakan ahli kelab koir UTeM dan pelajar UTeM memanfaatkan bengkel 3 hari itu di Samudera Bidara Resort, Melaka.

Program terbabit telah dirasmikan oleh Dekan Pejabat HEPA UTeM, Y.Bhg. Engr. Prof. Dr. Marizan Sulaiman dan dihadiri sama Ketua Unit Kebudayaan dan Warisan UTeM En Amir Ali. Menurut Engr. Prof. Dr. Marizan Sulaiman, "Ilmu dan kemahiran seni vokal koir perlu untuk meningkatkan kemahiran dalam nyanyian koir dan vokal peserta melalui penerapan latihan secara berterusan."

Pengisian aktiviti dalam bengkel yang dijalankan adalah ilmu berkaitan seni vokal koir termasuk pemahaman tentang teknik-teknik vokal, diksi, pernafasan, harmoni dan juga empat bahagian notasi muzik iaitu Soprano, Alto, Bass dan Tenor. Antara penceramah jemputan untuk bengkel kali ini, ialah Encik Helmi dari ASWARA, Encik Johari Mamat, Encik Mohd Rizal Husni Musa dan Encik Mohd Amri Mohd Zain.

Terdahulu, Kumpulan Koir Kelab Kebudayaan dan Warisan UTeM telah ditubuhkan pada bulan Ogos 2009 dengan jumlah anggota seramai 40 pelajar UTeM. Kumpulan koir ini pernah mengadakan persembahan pada Majlis Perhimpunan Bulanan Kerajaan Negeri Melaka serta Majlis Konvokesyen Ke-5 UTeM 2009 dan mereka telah menunjukkan prestasi dan komitmen yang tinggi sepanjang program berlangsung.

Prof. Dr. Marizan Sulaiman juga berkata, "Kewujudan kumpulan koir serta bengkel seumpama ini dilihat mampu membantu meningkatkan kemahiran dan pengetahuan pelajar UTeM dalam bidang seni di samping kecemerlangan dalam bidang akademik masing-masing."

Ketua Unit Kebudayaan dan Warisan UTeM En Amir Ali pula berkata, "Bengkel ini menjadi platform untuk para peserta mengasah bakat dalam seni vokal koir di samping membuat persiapan membentuk sebuah kumpulan koir yang terbaik dan ia boleh menarik minat lebih ramai mahasiswa menyertai Kumpulan Koir UTeM."

Bengkel ini diharap dapat membentuk sebuah kumpulan koir UTeM yang boleh diketengahkan untuk meng mengharumkan nama UTeM bukan sahaja di peringkat negeri malah di peringkat antarabangsa.

UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA






## PROGRAM MEMASAK BUBUR AS-SYURA

Bertempat di Surau Kolej Kediaman Murni, Bukit Beruang berlangsung program memasak bubur As-Syura. Majlis anjuran Exco Kerohanian Jawatankuasa Kolej Kediaman Murni dan D' Apartment. Program ini dianjurkan sempena meraikan kedatangan tahun baru bagi kelendar umat islam disamping mengeratkan lagi silaturrahim diantara para pelajar Kolej Kediaman Murni Dan D'apartment dan belajar cara- cara untuk memasak bubur asyura.



## Lawatan ke Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Seramai 35 orang pelajar dan 3 orang pegawai pengiring dari kelab Pembimbing Rakan Siswa UTeM (PRSU) telah mengadakan delegasi ke USIM bersama- sama ahli jawatankuasa Pembimbing Rakan Universiti USIM (PRU). Program ini telah diadakan selama sehari dengan pihak PRU USIM telah menjadi tuan rumah kepada program ini. Objektif utama program ini dijalankan adalah untuk menjalinkan hubungan kerjasama bersama dengan pihak PRU USIM disamping berkongsi modul dengan pihak mereka. Saudari Nor Aqilah Binti Sumadi dan saudari Amellia Rashidah telah menjadi pengarah program untuk program ini. Segala perjalanan aktiviti telah diatur oleh pihak PRU USIM sendiri dengan diwakili 10 orang fasilitator dikalangan mereka.






## PERTANDINGAN CATUR BISTARI TERBUKA NEGERI MELAKA

Kelab Keusahawanan UTeM telah menganjurkan Pertandingan Catur Bistari Terbuka Negeri Melaka di Dewan Besar UTeM mana penyertaannya dibuka kepada semua pelajar-pelajar IPT dan individu yang bekerja di sektor awam dan swasta. Tujuan pertandingan ini diadakan ialah untuk mencetuskan minat dan kesedaran mengenai bidang keusahawanan dan pengurusan kewangan.

Sebanyak 34 pasukan telah menyertai acara tersebut yang terdiri daripada pelajar sekolah,pelajar IPT dan badan swasta. Antara kategori yang dipertandingkan ialah Nilaian Aset Tertinggi Individu,Nilaian Aset Tertinggi Kumpulan, Laluan Tijarah Pertama dan Laluan Jihad Pertama. Pasukan yang memenangi pertandingan menerima hadiah wang tunai dari RM 600.00 hingga RM 3,000.00, sijil penyertaan dan dan plaque.






اونيۏرسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## SEMINAR GERAK USAHAWAN SISWA '10

Seminar Gerak Usahawan Siswa '10 telah berlangsung di Auditorium Kampus Induk UTeM. Seramai lebih kurang 80 orang pelajar telah menghadiri seminar ini yang bermatlamat untuk memupuk budaya dan pemikiran bisnes di kalangan pelajar IPT untuk menceburi bidang keusahawanan dan menjadikan keusahawanan sebagai kerjaya pilihan. Para peserta juga berkesempatan berkongsi pengalaman dengan usahawan yang berjaya.

Program ini mendapat kerjasama dari anak-anak syarikat Johor Corporation iaitu Institut Pembangunan Pengurusan Johor, Sindora Bhd., AYAMAS, Granulab (M) Sdn. Bhd. dan MZW Duraclean Services.Antara kertas kerja yang dibentangkan ialah “Jihad Bisnes pemangkin Ekonomi Ummah” , “Penguasaan Bisnes Strategik Dan Kepentingannya Sebagai Kerjaya Pilihan” dan “perkongsian pengalaman Usahawan”.

Mengambil kira fenomena ekonomi semasa, sektor ‘makan gaji’ di negara ini hampir mencapai situasi ‘tepu’. Oleh itu, industri pekerjaan masa hadapan perlu dicipta oleh bidang keusahawanan yang mampu menyediakan peluang pekerjaan kepada masyarakat.



# JADI PELAJAR YANG TAHAN LASAK DAN BERANI MENGHADAPI PERMASALAHAN

Pelajar Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) disaran untuk menjadi pelajar yang tahan lasak dan berani menghadapi segala permasalahan yang melanda semasa mereka berada di UTeM. Dengan sikap yang demikian akan membuatkan pelajar dapat memajukan diri dan menempuhi cabaran masa depan. Demikian saranan Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan semasa Majlis Dialog bersama pelajar UTeM di perkarangan Kolej Kediaman Bunga Raya di Bukit Beruang, Melaka kelmarin. Turut hadir Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Prof. Dr. Mohd. Kadim Suaidi, Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) Prof. Dr. Marizan b. Sulaiman, Ketua Timbalan Pendaftar HEPA Zainudin Ahmad dan Yang DiPertua Majlis Perwakilan Pelajar UTeM Ahmad Ibrahim Yazirruddin,




Majlis adalah anjuran Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UTeM adalah bagi memberi peluang kepada pelajar-pelajar UTeM mengemukakan masalah yang dihadapi kepada pihak pengurusan universiti. Perjumpaan dalam suasana santai ini adalah sebagai mendekatkan pegawai kanan universiti serta memperkenalkan ahli exco MPP yang baru dilantik kepada pelajar-pelajar UTeM. Seramai lebih 300 pelajar telah menghadiri majlis yang pertama kali diadakan di luar kawasan kampus. Dr. Ahmad Yusoff Hassan juga mengharapkan agar semua pelajar UTeM lebih proaktif dan turut sama menyertai sebarang program dan aktivti anjuran universiti ataupun persatuan dan kelab-kelab.

Ini akan membantu mereka dan memberi pengalaman yang berguna semasa mereka bekerja nanti. Pihak universiti dari masa kesemasa akan membantu pelajar dengan memberikan dan meningkatkan kemudahan terbaik bagi memberi keselesaan.Isu-isu serta pandangan dan cadangan dari pelajar akan membantu pihak pengurusan universiti dalam memajukan UTeM.

Banyak pertanyaan yang diajukan kepada Naib Canselor yang berkaitan dengan masalah pelajar seperti masalah pembinaan kolej kediaman, pinjaman PTPTN, hala tuju universiti, yuran pelajar serta kemudahan-kemudahan untuk pelajar-pelajar UTeM. Menurut Dr. Amad Yusoff Hassan banyak perkara telah berjaya diselesaikan dan diperbaiki dan akan ditingkatkan dari masa kesemasa. Segala permasalahan boleh dikemukakan kepada beliau melalui MPP.

# Bengkel Asas Teater I 2010 Gandingan UTeM - UTHM

Bengkel Asas Teater I 2010 (BAT I) [illegible] kerjasama antara dua universiti iaitu Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) bersama Universiti Tun Hussien Onn Malaysia (UTHM) yang berlangsung baru-baru ini menepati matlamat untuk meningkatkan ilmu seni teater di kalangan pelajar.

Menurut Pegawai Kebudayan UTeM Amir b. Ali, bengkel yang pertama kali seumpamanya diadakan itu berlangsung di Saujana Asahan, Majlis Sukan Negara Malaysia, Melaka dan disertai oleh 45 orang pelajar dari kedua-dua institusi terbabit. Majoritinya adalah dari kelab teater dan tarian universiti masing-masing. Justeru, seni teater bukan lagi asing bagi mereka dan ia juga merupakan medium persembahan yang dapat memberi iktibar kepada khalayak secara langsung.

Selama 3 hari peserta didedahkan dengan kaedah untuk memantapkan diri dalam pengurusan dan pengarahan sesebuah produksi teater, terjemahan naskah ke pentas, teater terapi, Etika dalam lakonan dan seni reka produksi. BAT I 2010 peserta untuk memahami aspek pengurusan produksi teater, mewujudkan jalinan setia kawan dan silaturahim serta menjadi platform kepada pelajar yang baru berjinak-jinak dalam seni pentas ini.

Antara penceramah BAT I 2010 ialah En. Shahrulfadli Yahaya ,Penolong Pegawai Kebudayaan UTeM, En. Muhammad Shahrin Haron,Pegawai Kebudayaan, Pusat Kokurikulum, Sukan dan Kebudayaan UTHM. Turut serta dari Universiti Malaya iaitu En. Mohd Rashid Abd. Rahim dengan taklimat 'Drama Turgi Teater', Pn. Dayang Kartini Awang Bujang dari Istana Budaya dengan taklimat 'Perbelanjaan Dalam Sesebuah Produksi', Drs. Bambang Suhartono Mohd Said dari Universiti Teknologi Mara dengan taklimat 'Kewujudan Etika Dan Psikologi Dalam Lakonan'.

Sebagai universiti teknikal yang tidak mempunyai kursus berkaitan dengan seni, UTeM telah membuktikan mereka tetap mempunyai pelajar yang berbakat besar dengan seni persembahan. Buktinya, setiap tahun UTeM menghantar pelajarnya menyertai pertandingan Festival Teater MAKUM serta Dekon MAKUM.

BAT I 2010 juga menjadi platform persediaan untuk menghadapi Festival Teater MAKUM serta Dekon MAKUM yang melibatkan semua IPTA di Malaysia. Ia membantu dari aspek budaya pengurusan seni persembahan yang sistematik bermula dengan pengurusan produksi, penulisan skrip, pengarahan, pencahayaan, tatarias serta busana dan muzik.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

# Pertandingan Nyanyian
## Lagu Melayu Asli MAKUM 2010

Kementerian Pengajian Tinggi sentiasa menyokong usaha serta penganjuran aktiviti yang sihat seperti Pertandingan Nyanyian Lagu Melayu Asli MAKUM 2010 ini kerana ianya landasan baik untuk mencungkil bakat di kalangan mahasiswa dalam menghayati dan mencintai budaya warisan bangsa ini.

Sokongan padu ini menjadi penguat semangat buat Shahrizal Hashim yang mewakili UTeM sehingga memenangi tempat ketiga bagi kategori lelaki di Pertandingan Nyanyian Lagu Melayu Asli MAKUM 2010. Pertandingan yang dianjurkan di Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) dengan kerjasama Majlis Kebudayaan Universiti-universiti Malaysia (MAKUM) bersama Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan serta Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Persembahan mantap Shahrizal yang lebih mesra dipanggil Rizal itu, dengan mendendangkan lagu Mas Merah nyata memberikan impak kepada juri serta para penonton sekaligus turut memberikan saingan hebat kepada peserta dari 17 IPTA lain.

Ketua Unit Kebudayaan dan Warisan UTeM En. Amir Ali berkata, "Kemenangan ini memberikan kejayaan berganda untuk Shahrizal dan UTeM dan penglibatan dalam aktiviti bukan akademik seperti kesenian dan kebudayaan menjadi nilai tambah untuk membentuk mahasiswa yang lebih matang, aktif dan berdaya saing."

Menurut pelajar Rekabentuk dan Industri, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal itu, sebelum ini beliau pernah menyertai pertandingan yang sama dan mencipta kemenangan di tempat kedua pada Pertandingan Nyanyian Lagu Melayu Asli MAKUM 2008. Vokal mantap milik Rizal serta latihan yang kerap dijalankan nyata berbaloi di samping menambah keyakinannya untuk membuat persembahan terbaik.

"Pengalaman yang dititip melalui pelbagai pertandingan lain juga menjadi penguat semangat sekaligus membuatkan saya menghasilkan persembahan bertenaga. Saya bersyukur dengan kemenangan ini dan ini akan menjadi dorongan untuk saya terus memberikan yang terbaik dalam bidang seni nyanyian lagu Melayu Asli ini" Katanya.

Pelajar UTeM yang turut menyertai pertandingan ini bagi kategori perempuan ialah Norsarinasari Md Isa dengan lagu 'Penawar Rindu'.



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

# LAWATAN MUHIBBAH EXPLORASI MINDA





Pada 19/3/2010-21/3/2010 telah berlangsung program 'LAWATAN MUHIBBAH EXPLORASI MINDA' yang dianjurkan oleh Badan Dakwah Dan Rohani (BADAR) Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM). Seramai 38 orang mahasiswa serta mahasiswi yang terdiri daripada pimpinan (Ahli Majlis Tertinggi dan sekretariat) serta seorang pegawai pengiring, Encik Zakariyah b. Zainal terlibat dalam lawatan ini. Lawatan ini bertemakan " Pelajar melawat universiti manfaat". Peserta telah mengunjungi tiga buah Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) iaitu Universiti Sains Malaysia (Kampus Induk), Universiti Institut Teknologi MARA (cawangan Pulau Pinang) dan Politeknik Sultan Abdul Halim Alam Muadzam Shah, Kedah.

Antara tujuan lawatan ini diadakan adalah untuk mempromosikan UTeM kepada masyarakat luar, serta mengeratkan lagi perhubungan antara institusi yang dilawati. Secara keseluruhannya, program lawatan muhibbah ini berlangsung dengan baik. Banyak pengalaman yang di timba sepanjang tiga hari tersebut. Semoga program lawatan muhibbah ini memberikan pengajaran serta membantu pihak kami dalam mengembangkan serta menaikkan semangat dan usaha untuk terus berdakwah di bumi UTeM ini.

# BILIK GERAKAN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR

Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) merupakan badan kepimpinan mahasiswa yang tertinggi malah menaungi semua persatuan, kelab serta organisasi pelajar yang berdaftar di universiti. Persatuan, kelab serta organisasi pelajar yang berdaftar serta aktif dalam menggerakkan organisasi layak untuk mempunyai bilik gerakan yang terletak di Pusat Persatuan Pelajar (PPP) dalam memudahkan segala gerak kerja organisasi. TIdak ketinggalan, MPP UTeM juga mempunyai Bilik Gerakan yang berada di Aras 3, PPP.

Bilik ini dilengkapi dengan pelbagai kemudahan asas seperti sofa, almari, telefon, 2 unit komputer berinternet serta 2 unit mesin fotokopi. Kemudahan ini tidak terhad pada anggota MPP sahaja, malah semua persatuan, kelab mahupun organisasi pelajar boleh menggunakan semua kemudahan ini untuk melakukan gerak kerja yang berkaitan.

Di Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) juga terdapat sebuah bilik yang dikhaskan untuk exco-exco MPP UTeM dalam melakukan tugas masing-masing. Bilik ini beroperasi seperti yang telah ditetapkan.

MPP UTeM

UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## *Kenali*
## MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR (MPP) UTEM SESI 2009/10

Keahlian anggota Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) adalah hak mutlak suara mahasiswa melalui pilihanraya kampus (PRK) yang diadakan sekali dalam tempoh setahun. Majlis Perwakilan Pelajar UTeM Sesi 2009/10 terdiri daripada 25 orang anggota mewakili 6 fakulti yang terdapat di UTeM. Kesemua anggota MPP UTeM merupakan mahasiswa-mahasiswi yang telah diberi kepercayaan untuk mewakili fakulti masing-masing serta membawa nama UTeM ke peringkat yang lebih tinggi.

Anggota MPP UTeM Sesi 2009/10 diterajui oleh **Yang Di-Pertua MPP, Saudara Ahmad Ibrahim Bin Yazirruddin** yang turut dibantu oleh **Timbalan Yang Di-Pertua, Saudara Muhammad Fizree Ashraf Bin Jarni.** Tugas Naib Yang Di-Pertua 1 pula disandang oleh Saudara Shaik Muhammad Zahir Bin Mohamed Farook manakala Saudari Nurul Syazwani Binti Sabran memikul tugas sebagai Naib Yang Di-Pertua 2. Saudari Mahfuzah Binti Md. Shukor dan saudara Mohamad Ariffin Bin Mutalib pula masing-masing memikul tugas sebagai Setiausaha Agung dan Naib Setiausaha Agung.

Tidak ketinggalan, Saudari Nur Hasanah Binti Muhammad sebagai Bendahari Agung dan Mohd Azwann Bin Zulkaflee sebagai Naib Bendahari Agung. Anggota Majlis Tertinggi (MT) ini disokong oleh exco-exco MPP UTeM yang lain seramai 17 orang. Pelbagai aktiviti dan program sama ada persendirian atau dengan kerjasama pihak penganjur telah dilakukan antaranya aktiviti khidmat masyarakat, sukan, akademik malah turut juga melibatkan badan-badan kerajaan tempatan, negeri dan persekutuan secara langsung atau tidak langsung termasuklah badan-badan separa kerajaan dan bukan kerajaan.


KERATAN
MPP bantu promosi UTeM
Pensyarah, ...siswa kongsi idea
HEPA UTeM Anjur Kem
Kursus Persediaan Calon ...
MPP Himpun Bakal Pemimpin Cemerlang
Proses Pilihan Raya UTeM Lancar
Nurul Syazwani Dapat Undi Te...
...dua universiti tingkat ilmu seni teater
FICTS gerakkan pelajar UTeM lebih aktif
"Saya akan cuba menggerakkan persatuan secara lebih efisien, sekali gus merapatkan jurang antara pelajar dan pensyarah."
Mohd Ikhbarudin Mat Rani
Pertama Kali Dianjurkan
Pesta Cahaya UTeM Tarik Minat Pelajar
...marak Karnival Kerjaya UTeM
Karnival Kerjaya UTeM himpun 30 sektor industr...
'Exam No Fear' Cetus Semangat Pelajar Untuk Capai Kejayaan
Dianggotai 30 Pelajar
Kehebatan Orkestra UTeM Makin Terserlah
...ooth election process at




# BULETIN HEPA


**PENAUNG** : Y.Bhg Engr Prof Dr Marizan bin Sulaiman

**PENASIHAT** : En Zainudin bin Ahmad

**EDITOR** : Tn Hj Razali bin Abd Jalil

**PEN. EDITOR** : En Ruzaiman bin Abdul Rahman

**PENGARANG** :
Dr Raffidah bt Haron
Dr Muhamad Takrimi bin Shahabudin
En Zulkifli bin Shariff
En Abd Halim Hakim bin Abd Aziz
Pn Marhanum bt Mohd Zamberi
En Hassan bin Atan
En Zainuddin bin Abdul Hamid
En Mohd Yasli bin Mohamed Rais
En Mohd Shafiq bin Md Taib
En Amir bin Ali
Pn Rafidah bt Md Dusa
Pn Syahira bt Hj Mohd Adnan
Pn Musliha bt Yusoff
Cik Hadibah bt Tahir

**PEMBACA PRUF** :
En Mohd Nizam bin Mazlan
Pn Mazne bt Ja'afar

**WARTAWAN** :
En Mohamad Fuad bin Jaafar
Cik Netty Muhalizza bt Mohd Fadzil

**PUBLISITI** :
Pn Sabrina bt Hj Saleh
En Zakariyah bin Zainal

**JURUFOTO** :
En Azlan bin Azid
En Muhammad Akmal bin Mad Yatim
En Fadzly bin Nordin


UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

2000-2010

*www.utem.edu.my*

Perpustakaan



MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
SESI 2009/2010
2000-2010
YANG DIPERTUA
AHMAD IBRAHIM
BIN YAZIRRUDDIN
FKE | 013-7903463
alfatih_mpputem0910@yahoo.com
TIMBALAN YANG DIPERTUA
MUHAMMAD FIZREE ASHRAF
BIN JARNI
FKE | 013-7917640
fizreeashraf_mpputem0910@yahoo.com
NAIB YANG DIPERTUA I
SHAIK MUHAMMAD ZAHIR
BIN MOHAMED FAROOK
FTMK | 013-6187017
shaikzahir_mpputem0910@yahoo.com
NAIB YANG DIPERTUA II
NURUL SYAZWANI
BINTI SABRAN
FKEKK | 019-3775466
syazwani_mpputem0910@yahoo.com
SETIAUSAHA AGUNG
MAHFUZAH
BINTI MD. SHUKOR
FKEKK | 013-3196503
mahfuzah_mpputem0910@yahoo.com
BENDAHARI AGUNG
NUR HASANAH
BINTI MUHAMMAD
FPTT | 013-3952356
hasanah_mpputem0910@yahoo.com
NAIB SETIAUSAHA AGUNG
MOHAMAD ARIFFIN
BIN MUTALIB
FKEKK | 013-7189582
ariffin_mpputem0910@yahoo.com
NAIB BENDAHARI AGUNG
MOHD AZWANN
BIN ZULKEFLE
FKEKK | 013-6381901
azwann_mpputem0910@yahoo.com
EXCO KEBAJIKAN DAN KESUKARELAWAN
TENGKU NOR SHUHADA
BINTI TENGKU ZAWAWI
FKE | 013-2503167
tgnorshuhada_mpputem0910@yahoo.com
TAN BOON TAT
FKM | 016-5118644
boontat_mpputem0910@yahoo.com
EXCO PEMBANGUNAN SAHSIAH DAN KEPIMPINAN
FAZLENA
BINTI MD ZIN
FKE | 017-2842914
fazlena_mpputem0910@yahoo.com
AMIR NAJMI
BIN AHMAD FARIS
FTMK | 013-9304663
amirnajmi_mpputem0910@yahoo.com
EXCO SUKAN DAN REKREASI
MOHD IZZUDIN
BIN ABDUL HAMID
FKP | 017-4644368
izzudin_mpputem0910@yahoo.com
MOHD KHAIRUL SHAHRIL
BIN MUSTAQ
FKP | 012-6011856
khairul_mpputem0910@yahoo.com
EXCO PENEMPATAN DAN KEMUDAHAN PELAJAR
KONG HONG FAI
FKM | 016-2531169
hfkong_mpputem0910@yahoo.com
EXCO KEUSAHAWANAN
NOOR ANIS ASMIRA
BINTI SHUKRI
FPTT | 019-9226542
anisasmira_mpputem0910@yahoo.com
EXCO PENERBITAN DAN PERHUBUNGAN AWAM
NURUL FATHIYAH
BINTI SHAMSUDIN
FTMK | 017-3628756
fathiyah_mpputem0910@yahoo.com
MOHD HERMAS
BIN AB JALIL
FKEKK | 013-3532594
hermas_mpputem0910@yahoo.com
EXCO KEBUDAYAAN DAN HUBUNGAN ETNIK
NURFATIN NADIA
BINTI ISMAIL
FKEKK | 017-9548664
fatinnadia_mpputem0910@yahoo.com
EXCO-EXCO PERWAKILAN FAKULTI
FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRIK
AHMAD ZAKUAN
BIN AHMAD DAHALAN
014-9316835
ahmad_mpputem0910@yahoo.com
MUHAMMAD HADRI
BIN NADZLAN
017-5103205
hadri_mpputem0910@yahoo.com
FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRONIK DAN KEJURUTERAAN KOMPUTER
FAKULTI KEJURUTERAAN PEMBUATAN
NURUL HUSNA
BINTI MOHD NAWAWI
012-9825012
husna_mpputem0910@yahoo.com
HAMIZAN AFANDI ROSADI
013-6944197
hamizan_mpputem0910@yahoo.com
FAKULTI KEJURUTERAAN MEKANIKAL
FAKULTI PENGURUSAN TEKNOLOGI DAN TEKNO-USAHAWANAN
SITI SYAHIRAH
BINTI SAMSURI
019-3569007
sitisyahirah_mpputem0910@yahoo.com
LOGANESH A/L SIVABALAN
012-3600054
loga_mpputem0910@yahoo.com
FAKULTI TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI
DIMENSI BARU
KEPIMPINAN UTeM
MPPUTeM
Majlis Perwakilan Pelajar,
Universiti Teknikal Malaysia Melaka,
Karung Berkunci No. 1752,
Pejabat Pos Durian Tunggal, 76109, Durian Tunggal, Melaka, Malaysia.
Phone: +606-3316043 Fax: +606-3316222
mpp@utem.edu.my
mpputem_0910@yahoo.com